

 Mahkamah Rayuan di Putrajaya

 19 Jun 2020

 Bahagian Rayuan Khas Jabatan Undang-Undang LHDNM

### **HAKIM - HAKIM**

YA Datuk Abdul Karim  
Abdul Jalil (HMR)

YA Datuk Nor Bee Ariffin  
(HMR)

YA Tuan Ravinthran A/L  
Paramaguru (HMR)

---

### **PEGUAM HASIL**

Dr. Hazlina Hussain  
Muazmir Mohd Yusof  
Mohammad Danial Ahmad

---

### **PEGUAMCARA BAGI PEGUAM NEGARA**

Tuan Ahmad Hanir Hambaly

# **MAHKAMAH RAYUAN SEBULAT SUARA MENOLAK PERMOHONAN PENGANTUNGAN DI BAWAH SEKSYEN 44 AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964**

---

**CKS v. KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI**

---

## **NOTIS USUL DI BAWAH SEKSYEN 44 AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964**

Perayu (CKS) telah memfailkan Notis Permohonan bagi Kebenaran Memulakan Semakan Kehakiman pada 10.10.2019 terhadap Notis-Notis Taksiran Tambahan bagi tahun taksiran 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016 di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Sabah. Mahkamah Tinggi pada 04 Mac 2019 telah menolak Permohonan Perayu bagi Kebenaran Memulakan Semakan Kehakiman dan turut menolak permohonan penggantungan terhadap semua prosiding berkaitan Notis-Notis Taksiran yang dipertikaikan.

Perayu kemudiannya telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tersebut dan turut memfailkan Notis Usul di bawah Seksyen 44 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memohon kepada mahkamah untuk menggantung semua prosiding berkaitan dengan Notis Taksiran yang dipertikaikan. Pendengaran Notis Usul kemudiannya telah dijalankan secara persidangan video pada 19.06.2020.

---

## **HUJAHAN PEMOHON**

Perayu telah menghujahkan bahawa Mahkamah Rayuan mempunyai budibicara menurut Seksyen 44 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk memberi suatu perintah penggantungan terhadap Notis-Notis Taksiran yang dipertikaikan tersebut bagi tujuan mengekalkan integriti rayuan Perayu dan sekiranya Usul ini ditolak, rayuan Perayu akan menjadi sia-sia (*nugatory*).

Dalam menyokong hujahannya, Perayu turut telah merujuk kepada kes *Ong Koh Hou v. Da Land Sdn Bhd & Ors* [2019] 4 CLJ 622 di mana bagi satu permohonan penggantungan, keadaan khas (*special circumstances*) tidak perlu dibuktikan bagi perintah penggantungan untuk diberikan. Perayu juga telah merujuk kepada kes *See Teow Guan v. Kian Joo Holdings Sdn Bhd & Ors* [1997] 2 CLJ 299 di mana menurut kes ini bersama-sama dengan kes *Ong Koh Hou*, pemberian perintah penggantungan adalah budibicara penuh Mahkamah. Menurut kes *Ong Koh Hou* juga Mahkamah telah memutuskan bahawa fungsi seksyen 44 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 adalah untuk mengekalkan integriti rayuan.

Perayu turut merujuk kepada kes *Kerajaan Malaysia v. Berjaya Times Square Sdn Bhd* [2018] 1 LNS 270 di mana Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan penggantungan terhadap Notis Taksiran yang dibangkitkan dengan mengambil kira risiko ancaman penggulungan akan diambil kepada pembayar cukai. Mahkamah Rayuan turut mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi bagi kes *Berjaya Times Square* tersebut.

Perayu juga telah merujuk kepada kes-kes sebelum ini di mana penggantungan prosiding telah diberikan oleh Mahkamah Rayuan menurut Seksyen 44 Akta Mahkamah Kehakiman seperti *Shell People Services Asia v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri*, *Sumur Heights Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri*, *Sumurwang Development Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri* dan *Top Capital Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri*.

---

## HUJAHAN RESPONDEN

Responden dalam hujahan bantahan terhadap usul tersebut telah menekankan bahawa *quantum* di dalam Notis Taksiran Tambahan adalah bukan keadaan khas untuk dipertimbangkan yang mewajarkan penggantungan di bawah Seksyen 44 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Responden seterusnya menjelaskan kepada Mahkamah, pada prinsipnya Responden tidak bersetuju dengan keputusan Mahkamah Rayuan sebelum ini yang membenarkan usul yang sama di dalam kes-kes *Shell People*, *Sumur Heights*, *Sumurwang Development* dan *Top Capital*. Namun, oleh kerana keputusan tersebut merupakan keputusan yang tidak boleh dirayu ke Mahkamah Persekutuan, Responden terpaksa akur dengan keputusan yang berdasarkan kuasa budibicara mahkamah rayuan tersebut.

Responden juga turut menghujahkan bahawa meskipun permohonan ini dibuat melalui Notis Usul di bawah Seksyen 44 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, keadaan khas masih perlu dibuktikan oleh Perayu. Berdasarkan afidavit sokongan yang difailkan oleh Perayu, tiada sebarang keadaan khas yang ditunjukkan oleh Perayu untuk mewajarkan permohonan Perayu dibenarkan.

Responden juga telah menghujahkan dengan merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v. Koperasi Serbausaha Makmur Sdn Bhd [2004] 1 MLJ 257* yang memutuskan bahawa prinsip di dalam kes *See Teow Guan* bukanlah prinsip yang tepat (*bad law*) dalam menentukan apakah keadaan khas bagi sesuatu permohonan penggantungan. Melalui kes *Kosma Palm Oil* juga Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan bagaimana sesuatu rayuan tersebut akan menjadi sia-sia (*nugatory*). Mahkamah seterusnya meletakkan beban ke atas Pemohon untuk menunjukkan bahawa sekiranya penggantungan tidak diberikan, pihak yang memohon penggantungan tidak akan dapat kembali kepada kedudukan asal mereka sekiranya rayuan mereka berjaya.

Seterusnya, Responden turut berhujah dalam kes yang melibatkan Kerajaan Malaysia tiada isu mengenai kemampuan Responden untuk membuat bayaran balik terhadap cukai yang telah dibayar sekiranya keputusan rayuan memihak kepada Perayu. Selain itu, tidak wujud sebarang peruntukan yang menghalang Kerajaan Malaysia daripada memulakan prosiding untuk mengutip cukai yang terhutang oleh Perayu kepada Kerajaan Malaysia.

Merupakan tugas statutori Responden di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk menjalankan tindakan *recovery* bagi memungut cukai yang genap masa dan kena dibayar bagi sesuatu Notis Taksiran. Sekiranya penggantungan diberikan, ianya akan memprejudiskan Kerajaan Malaysia kerana akan melengahkan proses kutipan cukai yang merupakan hasil utama negara. Responden juga terhalang untuk menikmati "*the fruits of litigation*" susulan daripada keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak permohonan kebenaran semakan kehakiman Perayu di Mahkamah Tinggi.

Responden juga menghujahkan bahawa kesemua permohonan penggantungan perlu bergantung kepada fakta tersendiri kes tersebut.

---

## HUJAH PEGUAM NEGARA

Peguam Negara telah menggunakan keseluruhan hujahan pihak Responden.

---

## KEPUTUSAN

Mahkamah telah secara sebulat suara memutuskan bahawa tiada merit di dalam permohonan Perayu dan bersetuju dengan Responden bahawa tiada keadaan khas yang mewajarkan Mahkamah menggunakan budibicara untuk membenarkan perintah penggantungan. Notis Usul Perayu telah ditolak dengan kos sebanyak RM 5,000.00.